

IPTS digesa tawar program pertanian

PUTRAJAYA 4 Sept. - Institusi Pengajian tinggi swasta (IPTS) disaran menawarkan program berbentuk pertanian kepada pelajar bagi membantu negara melahirkan modal insan dalam bidang tersebut.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, langkah itu secara tidak langsung dapat membantu memperluaskan akses program pertanian yang kini hanya tertumpu kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Katanya, dalam hal itu IPTS perlu melihat kursus-kursus berkaitan yang relevan untuk ditawarkan kepada para pelajar, seiring dengan perkembangan pertanian global.

“Dalam hal ini, mereka tidak boleh memikirkan keuntungan semata-mata.

“Sebaliknya, IPTS perlu bersama-sama membantu negara mencapai matlamat melahirkan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran untuk pembangunan bidang pertanian negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan perasmian Kongres Pertanian Antarabangsa 2012 di Hotel Marriott, di sini hari ini.

Hadir sama, Naib Canselor Uni-

versi Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr. Radin Umar Radin Sohadi.

Seramai 300 peserta dari dalam dan luar negara hadir pada kongres selama dua hari anjuran UPM untuk membincangkan cadangan inovasi, strategi dan polisi meningkatkan bekalan makanan dunia.

Mohamed Khaled berkata, buat masa ini terdapat sembilan IPTA yang menawarkan pelbagai program dalam bidang pertanian.

Katanya, berdasarkan pengambilan sesi akademik 2012/2013 terdapat 1,217 pelajar berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mendaftar kursus sarjana muda dalam bidang pertanian.

“Bilangan ini mewakili jumlah yang kecil iaitu 3.16 peratus berbanding pendaftaran keseluruhan 38,545 pelajar untuk semua kursus,” katanya.

Sementara itu, ditanya perkembangan insiden kemalangan membabitkan pelajar Malaysia di Rusia, beliau berkata, sebarang maklumat lanjut mengenai perkara itu perlu dirujuk kepada Wisma Putra.

“Ini kerana pihak kementerian tidak mempunyai wakil di negara itu,” katanya.



MOHAMED Khaled Nordin merasmikan Kongres Pertanian Antarabangsa 2012 di Hotel Marriott, Putrajaya, semalam. Turut sama, Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi (kiri) dan Pengerusi Penganjur, Prof Dr. Mohd. Khanif Yusop (tengah).